



KELUARAN KHAS

Utusan
Malaysia

JUMAAT
22 NOVEMBER 2013

PTPTN

Pemangkin Kesejahteraan Masyarakat



Penyumbang utama kepada pembangunan modal insan, sosial dan ekonomi negara adalah melalui pendidikan. Pembiayaan pendidikan merupakan langkah signifikan bagi mewujudkan peluang yang lebih baik kepada bakal pemimpin negara. PTPTN merupakan peneraju pembiayaan demi memastikan generasi muda yang berpendidikan, berkecakapan serta berdaya saing untuk memimpin negara. Inisiatif PTPTN dalam menyediakan pembiayaan berterusan adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk meluaskan akses pendidikan yang berkualiti dan berkemampuan. Tanggungjawab responsif ini dituntut demi merealisasikan negara yang cemerlang melalui pendidikan yang berterusan

DATUK SERI IDRIS JUSOH
Menteri Pendidikan II



PERBADANAN Tabung Pendidikan Tinggi Nasional membuka cawangan di setiap negeri dalam usahanya mendekati masyarakat.

16 tahun merentasi arus pendidikan negara

PTPTN galas cabaran besar

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

PENUBUHAN Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pada tahun 1997 menjadi nadi utama kepada para pelajar terutamanya golongan kurang berkemampuan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Namun, kehadirannya dalam arus pendidikan negara dianggap tidak lebih daripada satu 'beban' kepada pelajar kerana hutang yang perlu mereka jelaskan sebaik sahaja tamat pengajian.

Perkara ini juga menjadi sasaran tohmahan pihak tidak bertanggungjawab sehingga timbulnya beberapa isu, termasuk memansuhkan agensi tersebut dan membungkitkan tentang isu pendidikan percuma.

Sehubungan itu, dalam usaha mendepani cabaran yang mendatang, Penggerusi PTPTN, Datuk Shamsul Anuar Nasarah berkata, imej agensi tersebut perlu dipulihkan terlebih dahulu supaya masyarakat dapat menyedari kepentingannya di tengah-tengah keperluan pendidikan negara.

"Ini adalah satu cabaran besar bagi PTPTN dalam usahanya untuk memastikan tiada pelajar yang tercincir untuk melanjutkan pengajian atas dasar masalah kewangan. Jika perkara ini tidak dijelaskan dengan terperinci ia akan menyukarkan agensi ini untuk melaksanakan pelbagai dasar dan pendekatan baharu pada masa hadapan," katanya dalam satu temu bual dengan *Utusan Malaysia* di bangunan Parlimen.

Beliau menjelaskan, mulai tahun 2014, PTPTN akan memantapkan program turun padang bagi mendekati golongan sasar supaya peringkat akar umbi lebih memahami peranan dan fungsi PTPTN dengan mendalam.

"Langkah ini sebagai usaha untuk memberi imej yang baik kepada rakyat tentang PTPTN. Kita tidak mahu orang melihat PTPTN sebagai agensi pengutip hutang sebaliknya sebagai perbadanan yang memberi peluang untuk melanjutkan pengajian," katanya.

Di samping itu, beliau berkata, PTPTN dari semasa ke semasa sentiasa mengambil pelbagai pendekatan untuk mendekati masyarakat, antaranya, menambah baik

perkhidmatan bayaran balik secara *online* dan membuka cawangan pejabat di setiap negeri serta mendekati pelajar universiti dengan aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan.

"Kita nak kurangkan beban rakyat terutama pelajar yang perlu menjelaskan hutang pinjaman. Sebab itu, kita melihat jalan penyelesaian terbaik yang mampu dilakukan oleh rakyat apabila kita mengajak mereka supaya membuat tabungan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) iaitu produk yang menggalakkan rakyat menabung untuk pendidikan," katanya.

Beliau menyifatkan langkah itu sebagai satu cabaran kepada PTPTN untuk membudayakan dan menggerakkan masyarakat supaya memilih SSPN-i demi masa depan pendidikan anak-anak yang lebih terjamin.

Sehingga 31 Oktober 2013, SSPN-i mencatatkan 1,790,271 juta akaun pendeposit dengan jumlah simpanan mencecah RM988.22 juta.

"Secara peribadinya, saya masih belum berpuas hati dengan angka ini kerana ia masih belum mewakili 10 peratus daripada rakyat Malaysia. Namun, saya gembira melihat keyakinan masyarakat terhadap skim ini semakin meningkat dan sambutan yang diterima juga amat menggalakkan," katanya.

Menurutnya, SSPN-i merupakan satu instrumen simpanan dan berbeza dengan konsep pelaburan seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB).

SSPN-i mempunyai banyak kelebihan berbanding produk simpanan yang disediakan oleh institusi kewangan lain, antaranya, memenuhi keperluan patuh Syariah, pelepasan taksiran cukai ke atas simpanan bersih tahun semasa sehingga RM6,000 setahun dan perlindungan takaful secara percuma ke atas pendeposit.

"Pendidikan adalah penting dalam mengubah masa depan negara dan harapan saya jadikan kepentingan merancang masa depan pendidikan keluarga sebagai satu budaya."

"Dalam erti kata lain, PTPTN mahu bersama-sama rakyat supaya dapat menyediakan satu instrumen simpanan yang baik bukan sahaja menyimpan tetapi mampu mendapat pelbagai insentif. Bagi saya, ini adalah satu produk yang baik terutama bagi ibu bapa yang mementingkan masa depan pendidikan anak-anak mereka," katanya.



Pendidikan adalah penting dalam mengubah masa depan negara dan harapan saya jadikan kepentingan merancang masa depan pendidikan keluarga sebagai satu budaya. Dalam erti kata lain, PTPTN mahu bersama-sama rakyat supaya dapat menyediakan satu instrumen simpanan yang baik bukan sahaja menyimpan tetapi mampu mendapat pelbagai insentif. Bagi saya, ini adalah satu produk yang baik terutama bagi ibu bapa yang mementingkan masa depan pendidikan anak-anak mereka

DATUK SHAMSUL ANUAR NASARAH
Pengerusi PTPTN

Melahirkan siswazah berkualiti

Ketika ditanya tentang kemungkinan PTPTN akan memberi pengurangan bayaran balik kepada siswazah yang memperoleh ijazah kelas kedua (atas), beliau berkata, sasaran PTPTN ialah untuk melahirkan graduan kelas pertama melalui rangsangan pengecualian bayaran balik.

"Setakat ini, tumpuan kita adalah untuk melonjakkan kecemerlangan para pelajar di universiti. Kita bagi mereka pembiayaan pendidikan sepanjang menuntut di universiti dan sekiranya mereka berusaha bersungguh-sungguh dengan memperoleh ijazah kelas pertama, mereka tidak perlu membayar satu sen pun

kepada PTPTN.

"Inilah sasaran kita supaya mereka berpeluang menikmati pendidikan percuma dan pada masa sama berlumba-lumba untuk cemerlang dalam akademik sekali gus menjadi siswazah yang berkualiti," jelas beliau.

Beliau yakin, langkah PTPTN ini dapat membantu merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan golongan siswazah dan tenaga mahir profesional dan berkemahiran tinggi dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Selain pengecualian untuk kelas pertama, PTPTN turut menyediakan insentif bayaran balik melalui potongan 10 peratus bagi penerima biaya yang menjelaskan hutang secara konsisten.

198,000 peminjam tegar

"Saya menaruh harapan besar supaya mereka yang tamat pengajiannya dapat berhubung dengan PTPTN. Seperti yang saya tegaskan, PTPTN bukan agensi pengutip hutang. Walaupun agensi ini melaksanakan beberapa langkah penguatkuasaan tetapi ia masih di peringkat awal," katanya.

Beliau berkata, PTPTN berjaya mengesan 198,000 peminjam yang gagal dihubungi atau menjelaskan pembiayaan mereka yang kini keseluruhannya mencecah RM3.15 bilion.

"Jumlah ini amat besar nilainya dan boleh memberi peluang kepada 135,000 pelajar melanjutkan pengajian ke universiti jika mereka

menjelaskan bayaran balik," ujar beliau.

Sehubungan itu, beliau menggesa supaya penerima biaya bertanggungjawab terhadap pembiayaan yang mereka perolehi dan berhubung dengan PTPTN bagi membolehkan agensi tersebut membantu mereka menstruktur semula jadual bayaran balik.

"Kita adalah perbadanan yang mesra pelanggan. Saya berijamin ini memandangkan PTPTN tidak memerlukan penjamin. Yang penting, datang kepada kita dan kita akan strukturkan bayaran balik sehingga serendah RM50 sebulan. Nasihat saya ialah dapat pembiayaan, manfaatkan dan datang ke PTPTN untuk selesaikan masalah yang dihadapi," katanya.





Ujrah 1 peratus bukan keuntungan PTPTN - IBFIM

ISU melibatkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagaiakan tidak pernah surut. Saban tahun ada sahaja cadangan daripada pihak-pihak tertentu yang ingin melihat agensi ini ditutup atau dimansuhkan serta-merta.

Tidak ketinggalan, ada sebahagian masyarakat yang memandang sinis kepada PTPTN terutamanya tentang sejauh mana perkhidmatan atau produk yang ditawarkan kepada pelanggan adalah mematuhi keperluan syariah.

Malah, PTPTN juga dianggap sebagai 'ah long' ekoran peranannya yang dikatakan tidak ubah seperti pengutip hutang atau ceti haram tanpa belas ihsan.

Penasihat Kanan Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM), Razli Ramli, berkata, sejak PTPTN memperkenalkan produk pinjaman secara Islam, agensi tersebut tidak menjalankan sebarang urus niaga berdasarkan keuntungan.

IBFIM adalah badan yang dilantik untuk membantu menyelia dan memantau operasi PTPTN supaya memenuhi keperluan patuh syariah.

Hingga kini, PTPTN menyediakan dua produk iaitu pinjaman di bawah konsep Ujrah dan simpanan di bawah konsep Wakalah. Secara dasarnya, IBFIM terlibat sepenuhnya untuk memastikan produk simpanan PTPTN iaitu Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) yang dilancarkan pada tahun 2005 adalah patuh syariah.

Jelas Razli, kepatuhan syariah dalam konteks Islam merangkumi tiga perkara utama iaitu produk yang ditawarkan mestilah mendapat kelulusan penasihat syariah yang dilantik, dipantau oleh penasihat syariah secara berterusan dan tidak terlibat dengan perkara-perkara yang boleh melanggar syariah seperti riba dan judi.

"Sepanjang kami menyelia dan memantau operasi PTPTN, sememangnya diakui apa yang dilaksanakan oleh agensi ini selari dengan konsep dan keperluan perbankan Islam sebagaimana dituntut oleh syariat. Malah penyediaan kemudahan pinjaman kepada para pelajar untuk menyambung pengajian mereka merupakan satu usaha murni untuk membantu dari segi kewangan yang sering menjadi batu penghalang kepada para pelajar.



Menabung dengan SSPN-i boleh membantu ibu bapa merancang pendidikan yang berkualiti untuk masa depan anak-anak. Sebagai ibu bapa, sudah tentu kita mahukan yang terbaik dan mempunyai jaminan masa depan

ZULHAIRY ZAINON, 25
Juruterbang Rangkaian
Maybank



FAKTA

Ujrah

UJRAH bermaksud upah. Pembiayaan Pendidikan berlandaskan syariah dengan Ujrah atau upah 1% setahun atas kadar rata telah dilaksanakan kepada peminjam sedari mulai 1 Ogos 2009. Tarikh kuattkuasa pelaksanaan Ujrah bermula 1 Jun 2008.

penghalang kepada para pelajar.

"Dalam erti kata lain, tidak timbul isu PTPTN adalah 'ah long' sebaliknya satu badan yang membantu para pelajar menyambung pengajian ke peringkat seterusnya," katanya.

Beliau tidak menafikan, antara isu yang sering dibangkitkan ialah berkenaan Ujrah yang dikatakan kutipan dividen atau keuntungan sekali gus dilihat membebankan pelajar.

"Upah atau Ujrah dalam bahasa Arab yang dikenakan oleh PTPTN adalah kos penyelenggaraan bukan faedah atas pinjaman yang dibuat oleh pelajar.

"Perkara tersebut telah diluluskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 2008. Ini bermakna pinjaman yang ditawarkan oleh PTPTN bukannya berdasarkan keuntungan," tegas beliau.

Dalam konteks syariah, jelasnya, Ujrah dikenakan apabila ada kemudahan pinjaman disediakan seperti kos untuk menyelia, maka ia boleh diambil tetapi tidak boleh terlalu melampau atau membebankan.

"Jika seseorang pelajar membuat pinjaman

RM10,000 contohnya, dia hanya perlu bayar jumlah yang dipinjam sahaja iaitu RM10,000. Setiap lebihan daripada jumlah itu adalah dilarang. Ujrah pula, bukan lebihan atas jumlah pinjaman, ia adalah kos penyelenggaraan. Malah, ia hanya mewakili satu peratus daripada keseluruhan pinjaman dan boleh dibayar secara sekali gus atau jumlah Ujrah itu dipecahkan mengikut bulan. Sebenarnya, kos ini adalah jauh lebih rendah daripada kos sebenar yang ditanggung oleh PTPTN," katanya.

FAKTA

SSPN-i

SKIM Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) disahkan memenuhi keperluan patuh syariah berlandaskan Kontrak *Wakalah Bil Istithmar* oleh Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM) pada 30 November 2011. Ia bermaksud pendeposit melantik PTPTN menguruskan deposit mereka melalui kontrak 'mewakilkan untuk tujuan pelaburan'.

Selaras dengan pengiktirafan tersebut, PTPTN telah mereka bentuk logo rasmi baru yang dikenali SSPN-i. Logo tersebut adalah kombinasi duit syiling dan buku yang melambangkan simpanan bagi tujuan pendidikan tinggi dan warna biru dikekalkan berasaskan kepada warna korporat PTPTN dan huruf 'i' selepas SSPN adalah melambangkan Islamik iaitu produk berlandaskan syariah.

 Sepanjang kami menyelia dan memantau operasi PTPTN, sememangnya diakui apa yang dilaksanakan oleh agensi ini selari dengan konsep dan keperluan perbankan Islam sebagaimana dituntut oleh syariat. Malah penyediaan kemudahan pinjaman kepada para pelajar untuk menyambung pengajian mereka merupakan satu usaha murni untuk membantu dari segi kewangan yang sering menjadi batu penghalang kepada para pelajar

RAZLI RAMLI

Penasihat Kanan
Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM)



Kepentingan jelaskan hutang

ISLAM memandang serius aspek hutang kerana ia melibatkan amanah besar yang wajib ditunaikan terutama bagi memenuhi tuntutan dan menjamin hak sesama manusia (*huquq al-ibad*).

Kepentingan menjelaskan hutang ini terkandung di dalam sebuah hadis sebagaimana dipetik, "Pernah satu ketika Rasulullah SAW dikhaskan duduk semasa jenazah diletakkan di hadapan baginda untuk disembahyangkan. Baginda mengangkat kapalnya ke langit, kemudian menundukkan pandangannya di atas kening seraya bersabda: *Subhanallah, subhanallah, betapa beratnya apa yg diturunkan!*" Seorang sahabat Ibnu Jahsh berkata: "Kami memerhatikan keadaan Rasulullah itu tetapi kami diam, sehingga keesokan harinya saya bertanya kepada Rasulullah SAW: "Apakah keberatan yang diturunkan itu?" Rasulullah menjawab, "Hutang! Demi Tuhan yang jiwaku berada di dalam genggamanNya, jika la seseorang terbunuh di jalan Allah, kemudian hidup, kemudian terbunuh,

Malah ayat terpanjang di dalam Al-Quran iaitu ayat 282 surah *al-Baqarah* memperhalusi secara khusus mengenai adab-adab dan prinsip-prinsip yang harus dilaksanakan oleh setiap individu yang berurus niaga secara hutang

DR. ASYRAF WAJDI

Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM)

sedangkan dia mempunyai hutang, maka dia tidak akan masuk syurga sehingga dilunaskan hutangnya (riwayat An-Nasa).

Melihat kepada kepentingan menjelaskan hutang ini, Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM), Dr. Asyraf Wajdi berkata, kegagalan menyempurnakan amanah hutang bermakna menafikan hak sesama manusia yang pastinya mengundang kemurkaan besar dari Allah SWT.

"Malah ayat terpanjang di dalam

Al-Quran iaitu ayat 282 surah *al-Baqarah* memperhalusi secara khusus mengenai adab-adab dan prinsip-prinsip yang harus dilaksanakan oleh setiap individu yang berurus niaga secara hutang," katanya.

Masalah tidak menjelaskan hutang ini juga, antara lain turut dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuk dakwaan daripada pihak tidak bertanggungjawab tentang beberapa isu yang tidak tepat tentang PTPTN.



Bercakap tentang perkara ini, beliau menyifatkan, PTPTN tidak sejarnya menjadi sasaran politik kerana ia merupakan institusi kerajaan yang diwujudkan untuk menguruskan pinjaman yang berkait dengan pendidikan rakyat.

"Kalaupun segelintir pihak hendak mempolitisir isu pendidikan yang bagi mereka harus diberi secara percuma, seharusnya pandangan sedemikian dibahaskan dalam parlimen terutama dalam perbahasan Bajet yang membentangkan perolehan dan perbelanjaan negara setiap tahun.

Beliau berkata, peranan PTPTN amat penting bagi memastikan setiap pelajar di negara ini mendapat peluang melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi.

"Ketika ini bagi yang mendapat ijazah kelas pertama boleh dikecualikan daripada membayar balik," katanya.



‘


PTPTN banyak membantu keluarga kurang berkemampuan supaya anak-anak mereka dapat melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Tetapi malangnya, ramai yang tidak melihat perkara ini dari sudut positif. Sebenarnya adalah penting jika semua pihak mendapat maklumat jelas tentang peranan dan fungsi PTPTN supaya ia tidak terus menjadi sasaran pihak tertentu

JURIAH PALASIN, 59
Pesara
Putatan, Sabah

SPM dah habis, sekarang dah kena fikir pasal sambung belajar!
Besar kosnya sambung belajar ni!

Apa risau...

PTPTN KAN ADOO...!!





PROGRAM Mesra Kasih anjuran PTPTN dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Kampung Lukut, Kota Tinggi, Johor.



ANTARA pelajar Politeknic Dungun dan warga kerja PTPTN yang terlibat dengan Program Khidmat Komuniti di Kampung Delong, Dungun, Terengganu.



WARGA kerja PTPTN turun padang menyampaikan khairat kematian kepada bala Allahyarham Zulkifli Mamad di Kangar, Perlis yang terkorban semasa terlibat dalam Ops Daulat di Lahad Datu, Sabah.

PTPTN selami hati nurani segenap lapisan masyarakat

PROGRAM Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang dilaksanakan oleh PTPTN merupakan satu usaha murni

Program ini bagus untuk PTPTN menyampaikan amanat dan pesanan kepada pelajar-pelajar tentang info-info berkaitan PTPTN. Melalui hubungan yang erat di antara PTPTN dengan warga kampus, secara tidak langsung semua maklumat dapat disampaikan dengan jelas kepada warga IPT melalui kaedah turun padang warga PTPTN. Usaha-usaha sebegini perlu diteruskan pada masa akan datang memandangkan impak daripada program tanggungjawab sosial korporat yang dijalankan amat memberangsangkan dan menyedarkan pelajar-pelajar mengenai kepentingan PTPTN

dalam memartabatkan imej PTPTN dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT). Ini kerana PTPTN yang lebih sinonim sebagai badan pembiayaan pendidikan kini melaksanakan pelbagai aktiviti untuk mendekatkan diri dengan masyarakat.

Usaha ini secara tidak langsung telah membuka mata banyak pihak terutama penerima biaya PTPTN untuk mengenali

PTPTN dengan lebih dekat lagi sekali gus mewujudkan suasana yang mesra dalam kalangan warga PTPTN dan IPT.

Saya berharap pada masa hadapan, PTPTN dapat menggerakkan program sebegini dengan melibatkan pelajar-pelajar dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta politeknik di seluruh negara supaya dapat merapatkan jurang antara pelajar sekali gus membolehkan mereka menyelami kesukaran rakan-rakan lain di pusat-pusat pengajian yang lain. Bahkan, ini juga dapat mendidik pelajar bahawa PTPTN bukan sahaja berperanan sebagai pembiaya pendidikan tetapi menjalankan tanggungjawabnya kepada masyarakat



PENGURUSI PTPTN, Datuk Shamsul Anuar Nasarah ketika menghadiri Program Sumbangan Pembukaan Akaun SSPN-7 di Parlimen Lenggong, Perak.



PROGRAM Sehari Menyemai Kasih bersama anak-anak yatim di Gua Kelam, Perlis anjuran PTPTN dengan kerjasama Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP).



PROGRAM Kembara Cakna melibatkan pelajar UKM, PTPTN dan Orang Asli melakukan aktiviti membaikpulih surau, masjid dan dewan orang ramai secara bergotong-royong.



WARGA PTPTN dan para pelajar UKM yang mengikuti Program Mesra Kasih di Kampung Lukut, Kota Tinggi, Johor.



‘

Saya sangat berpuas hati menabung dengan SSPN-i. Pada mulanya hanya menabung untuk pendidikan anak-anak dan ada pengecualian cukai tetapi tidak sangka PTPTN ada membuat cabutan bertuah untuk pendeposit SSPN-i walaupun saya mula menabung pada bulan November lepas. Kereta Preve ini saya gunakan setiap hari untuk urusan harian. Terima kasih SSPN-i.

,

CHEONG SUK FUNG
Pemenang Pertama
Simpanan Mega SSPN-i
Siri Pertama

Pembangunan Pendidikan

Peranan PTPTN dalam menawarkan pembangunan pendidikan ternyata mampu mengubah taraf hidup rakyat sekali gus merealisasikan matlamat melahirkan generasi muda pertama.

Sehingga 31 Oktober 2013

2.33 juta
Penerima biaya



RM52.92 billion
Peruntukan



IDRIS Jusoh menyampaikan Wang Pendahuluan Pembangunan (WPP) kepada pelajar sempena Majlis Penyerahan WPP di Terengganu.

WPP RM1,500
ringankan beban
pelajar di IPT

PTPTN melaksanakan pemberian Wang Pendahuluan Pembangunan (WPP) bagi membolehkan pelajar-pelajar membuat persediaan awal memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan Politeknik sekali gus meringankan beban kewangan yang terpaksa ditanggung oleh ibu bapa.

Sehingga 31 Oktober 2013, sebanyak **679,762 waran WPP** telah ditunaikan berjumlah **RM1 bilion** melibatkan pelajar di seluruh negara

Bank Rakyat
dilantik
ejen kutipan
bayaran balik

PTPTN menjalin kerjasama strategik dengan Bank Rakyat dalam usaha meningkatkan prestasi bayaran balik pembangunan pendidikan. Mulai 2 Januari 2013, Bank Rakyat dilantik sebagai ejen kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN. Bayaran balik boleh dilakukan sama ada di kaunter ataupun melalui perbankan internet (www.irakyat.com.my).

**Bayaran
Balik**

Insentif
10%

Selaras dengan pembentangan Bajet 2013, PTPTN melaksanakan pemberian insentif diskain 10 peratus kepada penerima biaya yang membuat ansuran bayaran balik pembangunan PTPTN selama 12 bulan berturut-turut atau 12 bulan ke hadapan mengikut jadual bayaran balik dalam usaha menggalakkan penerima biaya melaksanakan bayaran balik.

Kemudahan SSPN-i di Bank Rakyat

BERMULA 21 Ogos 2013, semua **142** cawangan Bank Rakyat dan **4** Rakyat Xcess di seluruh negara menawarkan perkhidmatan transaksi masa nyata (*real time*) bagi pelanggan yang ingin membuka akaun SSPN-i serta menambah deposit dan membuat semakan baki.



MENTERI Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek ketika melancarkan program kerjasama PTPTN dan Bank Rakyat.

Prestasi SSPN-i menggalakkan



MENTERI Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh bersama-sama barisan pemenang Simpanan Mega SSPN-i Siri Pertama dan Kedua yang memenangi hadiah berupa kereta Proton Preve dan beberapa hadiah lain.

Sehingga 31 Oktober 2013

1,790,271 akaun
jumlah deposit **RM988.22 juta**

Keistimewaan SSPN-i

- Disahkan memenuhi keperluan patuh syariah
- Pendeposit layak memohon pembiayaan pendidikan PTPTN
- Pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih tahun semasa sehingga RM6,000 setahun
- Perlindungan Takaful secara percuma ke atas pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas
- Pemberian Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak
- Simpanan serendah RM20 pada bila-bila masa dan dijamin oleh Kerajaan
- Kadar dividen yang kompetitif dan dikecualikan daripada cukai pendapatan



Selepas tiga tahun menabung dengan SSPN-i, saya dapat banyak kelebihannya. Daripada mula menyimpan RM1,000 saya naikkan ke RM6,000 tahun ini untuk mendapat pelepasan taksiran cukai. Malah saya sentiasa galakkan kawan-kawan dan ahli keluarga yang lain supaya memilih simpanan dengan SSPN-i. Sebagai ibu bapa, saya tidak tahu apa akan jadi pada masa hadapan, sekurang-kurangnya saya telah bersedia dari awal untuk pendidikan anak-anak

HO SEE LOCK
Pemenang Pertama
Simpanan Mega SSPN-i
Siri Kedua



TAWARAN BERGANDA SSPN-i

SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL

Perlindungan Takaful Percuma

- Pemberian perlindungan **takaful secara percuma** selama setahun kepada pendeposit SSPN-i berjumlah **RM100,000**.
- Manfaat tambahan pemberian khairat kematian **RM2,500**.
- Terbuka kepada 15,000 pendeposit terawal berumur 18 - 69 tahun yang membuka akaun atau membuat penambahan deposit SSPN-i sekurang-kurangnya RM3,000 dan ke atas di mana-mana kaunter PTPTN dan *ejen bank yang terpilih.

* Maybank, Bank Rakyat, Bank Islam, Agro Bank

PROMOSI
1 November 2013
hingga
31 Disember 2013

Pelepasan Taksiran Cukai

- Ibu bapa dan ibu bapa angkat / penjaga yang sah dari segi undang-undang yang menyimpan dalam akaun SSPN-i untuk manfaat anak diberi pelepasan sehingga maksimum **RM6,000 setahun** tertakluk kepada jumlah simpanan bersih tahun semasa;
- Ibu bapa yang membuat taksiran berasingan dan telah membuka akaun simpanan SSPN-i berasingan atas anak yang sama diberikan pelepasan taksiran cukai maksimum sehingga **RM12,000 setahun** untuk satu keluarga; dan
- Ibu bapa yang membuat taksiran bersama dan telah telah membuka akaun simpanan SSPN-i berasingan diberi pelepasan sehingga maksimum **RM6,000 setahun**.

*Tertakluk kepada terma dan syarat



SHAMSUL Anuar Nasarah menyampaikan replika kunci kereta Preve kepada Rizal Hadzri dan seorang lagi pemenang, Kang Lee Cheng.

Perlindungan Takaful percuma RM100,000

PTPTN memberi peluang kepada 15,000 pendeposit SSPN-i terawal untuk menikmati perlindungan takaful kemalangan diri berjumlah RM100,000 secara percuma selama setahun.

Pengerusi PTPTN, Datuk Shamsul Anuar Nasarah berkata, ia terbuka kepada pendeposit berumur antara 18 hingga 69 tahun yang membuat simpanan sekurang-kurangnya RM3,000 secara sekali gus bagi tempoh 1 November hingga 31 Disember 2013.

"Perlindungan ini adalah tambahan kepada skim perlindungan takaful sedia ada yang diberikan kepada pendeposit yang membuat simpanan RM1,000 dan ke atas," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis

penyampaian hadiah Simpanan Mega SSPN-i Siri Ketiga di Dewan Besar PTPTN, Wisma Chase Perdana. Turut hadir, Ketua Eksekutif PTPTN, Agos Cholan dan Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN, Senator Mariany Mohammad Yit.

Pada majlis itu, Rizal Hadzri, 37, membawa pulang Proton Preve manakala lima lagi pemenang menerima hadiah motosikal Naza Blade 250 dan televisyen LED 60 inci.

Menurut Shamsul Anuar, langkah PTPTN menggerakkan pelbagai promosi diusahakan untuk menggalakkan orang ramai menabung dengan SSPN-i demi masa depan pendidikan anak-anak mereka.

"Setelah dilancarkan 1 November lalu, kita dapat ia mendapat sambutan menggalakkan dan kita akan pertimbangkan supaya perlindungan takaful ini dapat dilanjutkan lebih dari pada setahun," ujarnya.

Di antara keistimewaan perlindungan ini termasuk tawaran perlindungan takaful berjumlah RM100,000 sekiranya berlaku kematian atau alat kekal disebabkan oleh kemalangan dan pemberian khairat kematian sebanyak RM2,500 atas semua sebab kematian pendeposit.

Selain itu, pendeposit juga berpeluang mendapat tuntutan manfaat takaful berganda berdasarkan perlindungan takaful sedia ada.



Selepas mengetahui tentang SSPN-i melalui internet, saya terus mengambil keputusan menabung untuk ketiga-tiga anak saya. Saya yakin pelaburan dalam pendidikan amat 'menguntungkan' kerana saya mahu mereka mendapat pendidikan tinggi berkualiti ,

RIZAL HADZRI
Pemenang Pertama
Simpanan Mega SSPN-i Siri Ketiga



MENTERI Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh bersama-sama para pelajar kelas pertama yang mendapat pengecualian bayaran balik.

Nikmati pendidikan percuma

Kursus yang saya ikuti memerlukan perbelanjaan yang banyak dan oleh itu, saya sentiasa berusaha untuk belajar bersungguh-sungguh supaya mendapat pengecualian. Sesungguhnya, saya gembira dengan pengecualian ini kerana dapat membantu kedua-dua orang tua saya yang banyak berkorban demi pendidikan anak-anaknya. Bagi saya, pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi kena hargai jasa ibu bapa dan jangan sia-siakan pinjaman yang diperolehi dengan perkara tidak berfaedah. Ingatlah pada pengorbanan guru-guru dan pensyarah yang juga banyak berkorban untuk kita. Jangan lupa untuk berdoa untuk setiap perkara yang hendak dilakukan



NUR LINA OTHMAN, 25

Ijazah Sarjana Muda Seni dan Reka Bentuk (Tekstil)
Universiti Teknologi Mara
Kakitangan Hong Leong Bank

Keluarga saya merupakan orang yang paling bangga kerana saya adalah ahli keluarga tunggal yang mendapat ijazah kelas pertama. Segala usaha saya di universiti amat berbaloi dan saya amat gembira kerana dapat menguruskan kewangan dengan baik dan menggunakan untuk membantu kedua-dua orang tua. Kejayaan saya ini banyak didorong oleh peluang yang diberikan menerusi PTPTN dan sokongan daripada keluarga dan pensyarah yang tidak putus-putus kepada kami. Tanpa PTPTN, mustahil bagi pelajar dalam kalangan sederhana untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi swasta



GAN KIAT FATT, 24

Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hospitaliti Berjaya University
Pengurus Operasi di Hotel Container, Kuala Lumpur

Pengecualian ini amat berbaloi setelah berhempas pulas untuk mendapat keputusan cemerlang di universiti. Kini, dengan pengecualian ini saya dapat meneruskan pengajian ke peringkat ijazah sarjana di Melbourne. Jika tidak, sudah tentu saya tidak mampu meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi kerana terikat dengan hutang bayaran balik pinjaman



J. SHEEJA, 24

Ijazah Sarjana Muda Perakaunan KDU International College
Melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan Perakaunan di University of Deakin, Melbourne, Australia

Sehingga 31 Oktober 2013, seramai **19,731** penerima biaya melibatkan pembiayaan berjumlah **RM544.79 juta** telah menikmati pengecualian bayaran balik pembiayaan PTPTN. Pengecualian ini mendorong mereka untuk memperoleh keputusan cemerlang dalam akademik. Peluang ini sewajarnya direbut oleh semua pelajar institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta. Namun, kejayaan yang diperolehi itu tidak datang bergolek, ia memerlukan pengorbanan dan kerja keras serta tidak mudah berputus asa dengan setiap cabaran yang datang. Sudah tentu, selepas melalui pelbagai kesukaran, kejayaan yang diraih itu pastinya lebih bermakna. Sesungguhnya, pendidikan itu tinggi nilainya.



Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana, Off Jalan Sementan, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur

- 
- **One Stop Center PTPTN KL Sentral**
Unit 1 & 2A, 2B
Level 2, Stesen Sentral Kuala Lumpur
50470 Kuala Lumpur
 - **One Stop Center PTPTN Putrajaya**
Kementerian Pendidikan Malaysia
No. 2, Menara 2, Jalan P5/6
Presint 5, 62200 Putrajaya
 - **Pejabat PTPTN Cawangan UTC Kuala Lumpur**
Lot T3-9, Tingkat 3
UTC Pudu Sentral
Jalan Pudu, 55100 Kuala Lumpur
 - **Pejabat PTPTN Negeri Selangor**
Tingkat Bawah, Tingkat Mezzanine dan Tingkat 8
Menara MRCB, No. 2
Jalan Majlis 14/10
Seksyen 14
40712 Shah Alam, Selangor
 - **Pejabat PTPTN Negeri Sembilan**
Tingkat 3, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan
Jalan Yam Tuan
70000 Seremban
Negeri Sembilan
 - **Pejabat PTPTN Negeri Melaka**
Suite 4.2-4.5, Aras 4
Urban Transformation Center (UTC)
Jalan Hang Tuah, 75300 Melaka
 - **Pejabat PTPTN Negeri Pulau Pinang**
No. 53, Jalan Todak 6
Pusat Perniagaan Bandar Sunway Perdana
13700 Seberang Jaya
Butterworth, Pulau Pinang
 - **Pejabat PTPTN Negeri Kedah**
No. 1302, Jalan Tunku Ibrahim
05000 Alor Setar, Kedah
 - **Pejabat PTPTN Cawangan UTC Kedah**
4-11 UTC, Tingkat 4
Bangunan UTC Kompleks MBAS
Jalan Kolam Air
05675 Alor Setar, Kedah
 - **Pejabat PTPTN Negeri Perak**
No. 11 & 13, Tingkat Bawah
Persiaran Green Town 4
31300 Green Town, Ipoh, Perak
 - **Pejabat PTPTN Cawangan UTC Perak**
Lot No. LA 18
Urban Transformation Center (UTC) Perak
Off Jalan Dato' Onn Jaafar
30300 Ipoh, Perak
 - **Pejabat PTPTN Negeri Pahang**
No. 48, Malay Town
Jalan Putra Square 1, Putra Square
25200 Kuantan, Pahang
 - **Pejabat PTPTN Cawangan UTC Pahang**
No. 2-20
Pusat Transformasi Bandar (UTC Pahang)
Bangunan UTC Pahang
Jalan Stadium, 25200 Kuantan, Pahang
 - **Pejabat PTPTN Negeri Terengganu**
No. 37 (B6) Blok B
Tingkat Bawah, 1 dan 2, Dataran Emas
Jalan Sultan Sulaiman
20200 Kuala Terengganu, Terengganu
 - **Pejabat PTPTN Negeri Kelantan**
Lot 1158, Tingkat Bawah, Jalan Doktor
15000 Kota Bharu, Kelantan
 - **Pejabat PTPTN Negeri Sabah**
B1-06, Tingkat 1, Warisan Square
Jalan Tun Fuad Stephens
88100 Kota Kinabalu, Sabah
 - **Pejabat PTPTN Negeri Sarawak**
Lot 519, No. 15-1, Section 6
Al-Idrus Commercial Centre
Jalan Kulas, 93400 Kuching, Sarawak



Promosi
PTPTN
DEKAT DI HATI
bersama **BANK RAKYAT**

